

14/09/1999

Luncur udara Malaysia di Gunung Kinabalu

BAGI membina potensi Malaysia sebagai tuan rumah Kejohanan Luncur Udara Dunia pada 2003, satu pertandingan bertaraf antarabangsa yang dikenali sebagai Kejohanan Luncur Udara Malaysia akan diadakan hari ini di Gunung Kinabalu.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata kejohanan lasak itu adalah cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menggalakkan rakyat meminati aktiviti udara.

"Walaupun sukan luncur udara masih baru di Malaysia, ia sudah berkembang pesat di peringkat antarabangsa.

"Berdasarkan itu, kita bersetuju untuk mengadakan Kejohanan Luncur Udara Malaysia bagi membina landasan mempromosi serta menarik lebih ramai rakyat berkecimpung dalam sukan ini.

"Malah kita berharap kejohanan ini sebagai langkah awal sebelum kita menawarkan diri menjadi tuan rumah Kejohanan Dunia pada 2003," katanya dalam sidang akhbar di kementerian, semalam.

Kejohanan anjuran Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd, Kementerian Belia dan Sukan serta Kerajaan Sabah itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Sabtu ini.

Seramai 17 peserta bertaraf dunia dari Amerika Syarikat, Australia, Ukraine, United Kingdom, Itali, Jerman, Brazil, Perancis dan peserta kita turut mengambil bahagian.

Menurut Muhyiddin, kementerian akan mengambil tindakan segera untuk mengembangkan sukan itu, termasuk mengenal pasti jurulatih luar berpengalaman.

"Kita akan turut mengenal pasti lokasi sesuai untuk tempat latihan sama ada di Gunung Kinabalu atau Labuan. Selain itu, kita akan menyediakan peralatan serta bekerjasama dengan pihak lain," katanya.

(END)